

Headline	Kesedaran perangi Aids		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	13 Sep 2012	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	324,097
Page No	38	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	252 cm ²
Journalist	Nurasyikin Ramli	AdValue	RM 9,271
Frequency	Daily	PR Value	RM 27,813



Kesedaran perangi Aids

Kelab Riben Merah sebar maklumat tepat kepada remaja

Nurasyikin Ramli

KUALA LUMPUR: “Belia golongan tertinggi dijangkiti ‘human immunodeficiency virus’ (HIV) dengan catatan 64,747 dikenal pasti sehingga akhir 2010,” kata Pengarah Eksekutif Majlis Aids Malaysia (MAM), Roswati Ghani.

Berikutan itu, katanya, MAM berusaha memberikan penerangan kepada golongan terbabit supaya menjauhi aktiviti tidak sihat yang boleh menyebabkan mereka dijangkiti virus itu.

Beliau berkata, langkah terbaru MAM untuk menyebarkan maklumat tepat mengenai HIV dan Aids di kalangan remaja dengan penubuhan Kelab Riben Merah yang dilancarkan pada 6 September lalu dengan mengetengahkan pelakon terkenal, Aaron Aziz sebagai jurucakap kelab.

“Kami mahu mengumpul sekurang-kurangnya 10,000 sukarelawan bagi menjadi pemimpin yang boleh mendidik dan bertindak dalam

menangani penularan HIV. “Perkembangan media sosial didapati punca peningkatan jumlah kes HIV, namun MAM akan menggunakan kesempatan teknologi itu untuk memberi kesedaran kepada mereka,” katanya ketika ditemui pada Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri

MAM dihadiri 800 tetamu. Turut hadir, Presiden MAM, Datuk Dr Raj Karim; Selebriti Sokongan Riben Merah MAM, penyanyi Datuk Nurfaizah dan pelakon

Fahrin Ahmad.

Katanya, orang ramai yang berminat dengan aktiviti sukarelawan boleh mendaftar secara percuma sebagai ahli kelab dengan melayari laman facebook kelab di pautan www.facebook.com/RedRibbonYouthClub.

Sementara itu, RM28,927 disumbangkan kepada wakil Pemegang Amanah Yayasan Aids Malaysia oleh Menara Kuala Lumpur yang disampaikan Ketua Pegawai Eksekutif, Datuk Zuraidah Mohd Said.



SERAH
...Zuraidah
(kanan)
menyerahkan
cek kepada
Dr Raj sambil
diperhatikan
Roswati.